

HIDAP KENCING MANIS SEPANJANG HAMIL

Huda Tabah Demi Anak

Melalui tempoh sembilan bulan kandungan dengan disahkan oleh doktor sebagai penghidap kencing manis sepanjang tempoh itu ternyata satu kesukaran bagi Nurul Huda Hj Othman. Namun dia tetap tabah melaluinya demi anak pertama, Muhammad Qaid Darwish. Baginya semua kepayahan adalah satu anugerah Allah yang indah untuk dikenang. Ikuti kisah wanita ini sepanjang menjalani laluan sukarnya.

Sembilan bulan menanti, September 2013 akhirnya Allah kabulkan doaku dan suami. Walaupun tempoh itu tidak lama tetapi sudah cukup membolehkan perasaan menjadi gusar. Alhamdulillah, kami amat teruja sehinggakan aku menangis apabila aku disahkan mengandung. Suami ku pula menjerit kegembiraan di klinik tersebut. Semua itu momen indah buat kami berdua.

Disahkan *Diabetic Pregnancy*

Jika wanita hamil lain mengalami masalah mabuk, muntah dan mual berpanjangan, lain pula kisahnya dengan aku. Aku langsung tidak mengalami semua itu, malah tidak merasakan sebarang perubahan pelik kepada diriku di awal kandungan. Cuma aku aku, aku cukup berselera makan terutama Nasi Ayam.





Suami alah

Jika wanita hamil lain mengalami masalah mabuk, muntah dan mual sepanjang hari, lain pula kisahnya dengan aku. Aku langsung tidak mengalami semua itu, malah tidak merasakan sebarang perubahan pelik kepada diriku di awal kandungan. Cuma aku akui, aku cukup berselera makan terutama Nasi Ayam.

Setiap hari Nasi Ayam menjadi menu paling sedap dan peliknya aku hanya makan nasi yang disediakan oleh seorang makcik di Ampang! Ketika itu aku dan suami menetap di Shah Alam dan setiap hari itulah samukku berjulang alik untuk mendapatkannya.

Lebih kelakar, samukku pula yang mengalami kesemua simptom seperti *morning sickness*, mabuk, layu dan tidak ada selera makan. Memang pelik namun itulah yang kami lalui pada awalnya. Kata-kata orang bahawa ia petanda kami terlebihi sayangkan isteri buat aku tersenyum sendiri. Moga-moga ia seperti bagai dikata.

Aku menjalani kehidupan ibu hamil seperti orang lain dengan mengambil pil seperti asid folik, B complex dan juga zat besi seperti yang disarankan doktor. Namun ketika kandunganku berusia

“Alhamdulillah dengan kawalan dan nasihat, kandunganku dalam keadaan normal dan baik. Saya juga diwajibkan membuat imbasan secara terperinci ketika kandunganku berusia lima bulan bagi melihat keadaan bayi. Jika kawalan gula tidak dijaga dengan baik, bayiku boleh menjadi tidak cukup sifat, terlalu besar dan ada juga kes di mana bayi mati lemas di dalam perut ibu.”

tiga bulan, selepas memeriksa paras gula dalam darah, doktor mendapati ia agak tinggi dan mengesahkan aku disahkan menghidap *diabetes pregnancy*. Atas nasihat doktor, aku perlu mendapatkan insulin ketika hamil bagi membantu mengawal paras gula kerana ia akan membahayakan bayi.

Aku ditemukan dengan pakar pemakanan (*dietitian*) dan aku diajar akan menu-menu yang sesuai untuk pengidap *diabetic* seperti itu. Perlu perbanyakkan sayur dan kurangkan pengambilan nasi. Begitu juga air manis yang sama sekali dilarang.

Makan pula perlu dalam kuantiti yang sedikit tetapi kerap. Ini dapat membantu mengawal paras gula. Ini menjadi masalah kerana aku langsung tidak boleh minum sebarang jenis susu kecuali jenis gula rendah atau untuk mereka yang *diabetes*. Doktor juga membekalkanku pil kalsium sebagai supplemen agar kandunganku mendapat zat yang mencukupi.

Proses ini berterusan sehinggalah aku bersalin. Aku perlu sentiasa melakukan *BSP Test (Blood Sugar Profile)* setiap kali satu hingga dua jam selepas makan untuk mengetahui kadar gula dalam badan berada di tahap 'selamat'. Insulin juga menjadi kewajipanku kala itu. Sunnikan perlu dilakukan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum makan. Kawalan untukku memang agak terperinci dan aku perlu 'check-up' lebih kerap dengan doktor.

Alhamdulillah dengan kawalan dan nasihat, kandunganku dalam keadaan normal dan baik. Kami juga diwajibkan membuat imbasan secara terperinci ketika kandunganku berusia lima bulan bagi melihat keadaan bayi. Jika kawalan gula tidak dijaga dengan baik, bayiku boleh menjadi tidak cukup sifat, terlalu besar dan ada juga kes di mana bayi mati lemas di dalam perut ibu. Semua itu tambah merisaukanku.

Tenang Dengan Ayat Suci

Disebabkan masalah *diabetes* ini, aku disarankan oleh doktor untuk bersalin pada minggu ke 38 bagi mengelakkan risiko kandungan lemas di dalam perut. Tiga hari sebelum kandunganku genap 38 minggu, aku sudahpun dimasukkan ke wad dan diberi *induce* pada hari yang ditetapkan bagi merangsang kelahiran dengan lebih cepat.

Setelah dua kali *induce*, air ketuban pecah dan aku terus sahaja dimasukkan ke bilik bersalin.

Mujur suami menemani untuk memberikan semangat buatku. Kontraksi setiap tiga hingga lima minit sekali terasa cukup menyakitkan. Namun suasana bilik bersalin yang selesa serta dipasangkan dengan ayat-ayat suci Al-Quran dan zikir banyak membantuku menjadi lebih tenang.

Alhamdulillah setelah hampir 8 jam bertarung nyawa di dalam dewan bersalin, akhirnya aku selamat melahirkan bayiku yang seberat 3.62kg secara normal walaupun mengalami masalah kencing manis. Syukur aku panjatkan. Apa yang benar-benar memeranjatkanku, semua kesakitanku hilang setelah bayiku selamat dilahirkan. Itulah kuasa Allah SWT.

Aku dan suami tidak dapat menahan air mata kegembiraan dan kesyukuran setelah semuanya selesai. Aku sangat-sangat berterima kasih kepada doktor dan jururawat bertugas yang banyak membantu dan memberi kata-kata semangat ketika proses melahirkan anak sulungku, Muhammad Qaid Darwish.

Semua ibu dan bapa mahu yang terbaik untuk anak mereka. Begitu juga aku dan suami. Semoga Darwish membesar dengan sihat dan menjadi anak yang soleh serta taat pada perintah Allah dan Rasul. Begitu juga berbakti kepada ibubapanya serta berjaya di dunia dan akhirat. <